



# **SIARAN AKHBAR JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

## **KES TANGKAPAN BARANG-BARANG TEGAHAN KASTAM**

1. Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) melalui Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang telah menjalankan satu gerakan operasi di kawasan Kampong Kiulap, Daerah Brunei dan Muara.
2. Hasil gerakan operasi yang dijalankan pada hari Selasa 28hb Januari 2025, JKED telah berjaya menahan seorang lelaki warganegara tempatan yang berumur 40 tahun atas kesalahan memiliki barang-barang kesalahan kastam iaitu:
  - i. 1,778 unit *vape*, 1 *vape device*, 8 botol jus *vape* dan 11 *vape refill* pelbagai jenis; dan
  - ii. 21 paket rokok pelbagai jenis.
3. Wang tunai sebanyak BND15,605.50 dan matawang asing dianggarkan berjumlah BND6,067.00 juga turut ditahan. Wang tersebut adalah dipercayai hasil dari penjualan barang-barang kesalahan kastam.
4. Kesemua barang-barang terbabit telah dirampas dan individu terlibat telah dibawa ke Pejabat Penguatkuasaan Undang-Undang untuk siasatan lanjut.
5. JKED ingin menasihatkan kepada orang ramai agar sentiasa mematuhi mana-mana perundangan Negara ini dan menghindari dari melakukan kegiatan-kegiatan penyeludupan atau membawa masuk dan keluar barang-barang tegahan, atau barang-barang sekatan tanpa kebenaran yang sah. Memiliki barang-barang tegahan Kastam adalah menjadi satu kesalahan di bawah Seksyen 140, Perintah Kastam 2006 atau Seksyen 146, Perintah Eksais 2006.
6. JKED mengucapkan ribuan terima kasih kepada orang ramai yang telah memberikan kerjasama dengan menyalurkan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan aktiviti yang menyalahi perundangan dan peraturan yang dikuatkuasakan oleh JKED. Orang ramai dialu-alukan untuk mengongsikan maklumat berkaitan apa jua kegiatan penyeludupan barang-barang tegahan Kastam atau apa jua aktiviti yang menyalahi perundangan Kastam dengan menghubungi JKED di talian utama JKED: 8714422/8721422 atau pejabat Kastam yang berdekatan. Pihak JKED juga memberi jaminan bahawa identiti setiap pemberi maklumat adalah dirahsiakan.

**GAMBAR KESELURUHAN BARANG RAMPASAN**



**GAMBAR SEBAHAGIAN DARI WANG YANG DIRAMPAS**

